



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA:

PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA@THE STORE 2020

**ANJURAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

27 OGOS 2020 (KHAMIS)

**BERTEMPAT DI :
MARKETPLACE AT THE STORE
SB MALL, SUNGAI BULOH, SELANGOR**

TERIMA KASIH SAUDARA PENERUS MAJLIS

- 1. YBHG. DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
- 2. YBHG. ENCIK CHENG TA CHIH
KETUA PEGAWAI OPERASI
KUMPULAN THE STORE**
- 3. YBHG. ENCIK MARK LOO
PENGURUS BESAR KUMPULAN THE STORE (PASAR RAYA)**
- 4. YBHG. DR. ALAUDDIN SIDAL
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
- 5. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KPDNHEP**
- 6. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KUMPULAN THE STORE**
- 7. PARA USAHAWAN PKS TEMPATAN**
- 8. SAHABAT-SAHABAT MEDIA**
- 9. YBHG. DATO'-DATO'/TUAN-TUAN/PUAN-PUAN HADIRIN YANG
SAYA HORMATI SEKALIAN**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SELAMAT PETANG,

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN KEPADA ALLAH SUBHANALLAHU WATA'ALA KERANA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA SEMUA HADIR DI DALAM PERASMIAN PROGRAM KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA@THE STORE BAGI TAHUN 2020 YANG DIANJURKAN OLEH KUMPULAN THE STORE MALAYSIA.

2. PADA KESEMPATAN INI, SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN HADIRIN SEKELIAN YANG BERSAMA-SAMA KITA PADA MAJLIS PADA HARI INI.

3. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN KUMPULAN THE STORE ATAS USAHA MEREKA DALAM MENGANJURKAN PROGRAM INI. SUKA SAYA MENARIK PERHATIAN HADIRIN SEKELIAN BAHAWA KUMPULAN THE STORE TELAH DIBERIKAN PENGHORMATAN SEBAGAI PERUNCIT YANG DIPILIH SEBAGAI RAKAN STRATEGIK KEMENTERIAN DALAM KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PADA TAHUN INI.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

4. KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ATAU RINGKASNYA KBBM ADALAH MERUPAKAN SATU INISIATIF KERAJAAN YANG BERSKALA BESAR, MENGHIMPUNKAN PELBAGAI JENIS JENAMA PERNIAGAAN YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KLUSTER PERKHIDMATAN SERTA MENAWARKAN PELBAGAI PRODUK PILIHAN KEPADA PARA PENGGUNA PADA HARGA YANG BERPATUTAN. SESUNGGUHNYA USAHA PIHAK KUMPULAN THE STORE DALAM MENGANJURKAN

KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI SEWAJARNYA DICONTOHI OLEH SEMUA PIHAK TERUTAMANYA *RETAILERS* DI MALAYSIA DALAM MEMBERIKAN LEBIH PILIHAN KEPADA MASYARAKAT DALAM BERBELANJA.

5. PROGRAM KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMPROMOSIKAN PRODUK-PRODUK TEMPATAN DAN MERANCAKKAN EKONOMI DOMESTIK. PROGRAM INI JUGA MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF KERAJAAN BAGI MEMBANTU SYARIKAT-SYARIKAT DAN USAHAWAN-USAHAWAN TEMPATAN DALAM MEMASARKAN PRODUK-PRODUK MEREKA KEPADA ORANG RAMAI.

6. PENGANJURAN KEMPEN BARANGAN MALAYSIA INI MERUPAKAN SATU PENDEKATAN YANG TERBAIK DAN BERKESAN BAGI MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PERMINTAAN TERHADAP BARANGAN DAN PERKHIDMATAN KELUARAN TEMPATAN. KEMPEN INI MENYERU PARA PENGGUNA DI NEGARA INI MENGUTAMAKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA SEKALIGUS MENINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME DI KALANGAN RAKYAT DALAM MEMBANTU PENGUSAHA TEMPATAN UNTUK MEMPROMOSIKAN PELBAGAI BENTUK BARANGAN, PRODUK DAN PERKHIDMATAN BUATAN TEMPATAN BAGI MERANCAKKAN KEMBALI SEKTOR PERUNCITAN DAN MENGEMBALIKAN PERMINTAAN PASARAN DALAM NEGARA KHUSUSNYA SELEPAS DALAM TEMPOH PKP-PEMULIHAN BERIKUTAN PANDEMIK COVID-19 YANG MELANDA NEGARA BARU-BARU INI.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

7. KEMPEN UNTUK MERANCAKKAN EKONOMI DOMESTIK PERLU DIPERGIAT DAN DIPERKUKUHKAN SECARA KOMPREHENSIF KERANA CABARAN GLOBALISASI PERNIAGAAN KINI BANYAK MENYUMBANG KEPADA PEMBELIAN BARANGAN DARIPADA LUAR NEGARA. JUSTERU, LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMPERKASAKAN PERBELANJAAN DALAM NEGARA MENERUSI INISIATIF SEPERTI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI ADALAH BERTEPATAN DAN SANGAT SIGNIFIKAN BAGI MENGIMBANGI EKONOMI SEMASA, KHUSUSNYA UNTUK MERANCAK DAN MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK MELALUI PENINGKATAN PEMBELIAN DAN PENGGUNAAN PRODUK ATAU PERKHIDMATAN TEMPATAN. PROMOSI BARANGAN BUATAN TEMPATAN SECARA TERUS KEPADA PENGGUNA DAPAT MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG KEWUJUDAN DAN KUALITI PRODUK BUATAN TEMPATAN.

8. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BAGI TUJUAN PELAKSANAAN KBBM INI, KEMENTERIAN BERASA GEMBIRA DENGAN SOKONGAN YANG DITERIMA DARIPADA PIHAK THE STORE MALAYSIA YANG TELAH MEMBERIKAN KOMITMEN DALAM MEMBANTU MENJAYAKAN INISIATIF INI. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA THE STORE MALAYSIA TELAH BANYAK MEMBANTU MEMBERIKAN LALUAN DAN TEMPAT KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN JENAMA TEMPATAN DI **TUJUH PULUH ENAM (76) BUAH OUTLET THE STORE DI SELURUH NEGARA.** SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA SEHINGGA KINI, TERDAPAT **49 OUTLET THE STORE SUPERMARKET AND DEPARTMENTAL STORE, 10 OUTLET PACIFIC HYPERMARKET AND DEPARTMENTAL STORE** DI

SEMENANJUNG MALAYSIA DAN **17 OUTLET MILIMEWA SUPERSTORE DI SABAH**. SAYA SANGAT MENYAMBUT BAIK DAN MENGHARGAI USAHA YANG DILAKUKAN OLEH THE STORE MALAYSIA DAN BERHARAP IANYA AKAN DAPAT DITURUTI OLEH PERUNCIT-PERUNCIT YANG LAINNYA.

9. BERDASARKAN INPUT YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK THE STORE, PADA SEPARUH KEDUA TAHUN 2019, PRODUK-PRODUK BUATAN MALAYSIA TELAH MENCATATKAN **JUMLAH HASIL JUALAN BERJUMLAH RM23,882,122.99 DI SELURUH RANGKAIAN THE STORE DI SELURUH NEGARA**. JUMLAH INI MENUNJUKKAN **PENINGKATAN SEBANYAK 35.3 PERATUS BERBANDING PADA TAHUN SEBELUMNYA**. SAYA PERCAYA, SEKIRANYA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH AGRESIF LAGI PADA TAHUN INI, TIDAK MUSTAHIL PERATUS PENINGKATAN INI AKAN LEBIH BESAR DAN KETARA.

10. KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ADALAH SEJAJAR DENGAN HASRAT KERAJAAN DALAM USAHA UNTUK MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT, MENINGKATKAN PEMBELIAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA BAGI MEMBANTU MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI INDUSTRI TEMPATAN DAN SETERUSNYA MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA PRODUK IMPORT SELAIN UNTUK MEMPERTINGKATKAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR MALAYSIA (KDNK) DAN SEKALIGUS MENGELAKKAN PENGALIRAN WANG KELUAR DARI NEGARA INI.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

11. DALAM BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI, PENEMBUSAN PRODUK-PRODUK PKS TEMPATAN KE DALAM SEKTOR PERUNCITAN TERUTAMANYA DI RANGKAIAN PASAR RAYA DAN PASAR RAYA BESAR (*HYPERMARKET*) DI NEGARA INI TELAH MENUNJUKKAN PENINGKATAN YANG AMAT MENGGALAKKAN DARI SEMASA KE SEMASA. SEBAGAI PERBANDINGAN, PADA TAHUN 2015, SEJUMLAH 17,771 *STOCK-KEEPING UNIT (SKU)* PRODUK-PRODUK PKS TEMPATAN TELAH DISENARAIKAN DI RANGKAIAN PASAR RAYA BESAR DI NEGARA INI DENGAN NILAI HASIL JUALAN BERJUMLAH RM163,721,602 JUTA. **PADA TAHUN 2019, JUMLAH INI MENCATATKAN PENINGKATAN PENYENARAIAAN PRODUK KEPADA 31,009 SKU DENGAN NILAI HASIL JUALAN BERJUMLAH RM667,368.501 JUTA.** SAYA PERCAYA, DENGAN USAHA BERTERUSAN DAN KERJASAMA DI ANTARA KPDNHEP DAN PARA PERUNCIT (*RETAILERS*) DI NEGARA INI, JUMLAH INI AKAN TERUS DAPAT DIPERTINGKATKAN, BUKAN SAHAJA UNTUK PENEMBUSAN DALAM NEGARA, MALAH UNTUK PASARAN EKSPORT.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

12. SAYA PASTI RAMAI DI ANTARA KITA, SAMA ADA SECARA SEDAR ATAU TIDAK, MENGGUNAKAN BARANGAN TEMPATAN DALAM KEHIDUPAN KITA SEHARI-HARI. DARIPADA UBAT GIGI UNTUK MEMBERUS GIGI, PAKAIAN YANG KITA SARUNGKAN, PERABOT YANG KITA DUDUK, KATIL YANG KITA GUNAKAN UNTUK TIDUR, KERETA

YANG KITA GUNAKAN SEBAGAI KENDERAAN KE TEMPAT KERJA, RESTORAN YANG KITA BIASA KUNJUNGI UNTUK MENIKMATI HIDANGAN, ADALAH KEBANYAKKANNYA BERKISAR KEPADA JENAMA MALAYSIA. SAYA PASTI JIKA SAYA MENYEBUT JENAMA-JENAMA DI BAWAH, RAMAI YANG MENYANGKA IANYA ADALAH JENAMA ATAU PRODUK LUAR NEGARA, NAMUN SEBENARNYA IA ADALAH JENAMA DAN PRODUK KELUARAN TEMPATAN (*MADE IN MALAYSIA AND BORN AND BRED IN MALAYSIA*). JENAMA SEPERTI *MANHATTAN FISH MARKET, PADINI, GOOD MAID, SAN FRANCISCO COFFEE, PONEY, OGAWA, SECRET RECIPE, MARRYBROWN, KHIND, PENSONIC* (SEKADAR MENYEBUT BEBERAPA JENAMA), ADALAH MERUPAKAN JENAMA DAN PRODUK MALAYSIA YANG TERKEMUKA DAN MENJADI KEBANGGAN TEMPATAN. JUSTERU, TIDAK TIMBUL ISU SAMA ADA BUATAN MALAYSIA INI KURANG KUALITI DAN SEBAGAINYA, KERANA BARANGAN TEMPATAN KITA KINI BOLEH BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN BARANGAN IMPORT YANG SAMA PRODUKNYA.

13. OLEH ITU, SAYA MENYERU MARILAH KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA AGAR MEMPERTINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME TERHADAP NEGARA KITA MALAYSIA DAN MEMBANTU MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA DENGAN MENUNJUKKAN SOKONGAN DALAM MENGUTAMAKAN BARANGAN MALAYSIA DAN MEMPERBANYAKKAN BERBELANJA BARANGAN TEMPATAN AGAR EKONOMI KEKAL BERLEGAR DI DALAM NEGARA TANPA BANYAK PENGALIRAN WANG KELUAR. JUGA SUDAH TENTUNYA SEBAGAI SEORANG PENGGUNA DI NEGARA INI, KITA PASTIKAN SETIAP

PERBELANJAAN JUGA ADALAH LEBIH NILAI UNTUK WANG (*VALUE FOR MONEY*), BERPATUTAN DAN BERKUALITI.

14. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA@THE STORE BAGI TAHUN 2020. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KUMPULAN THE STORE YANG TELAH BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN BAGI MEREALISASIKAN USAHA DAN INISIATIF KERAJAAN UNTUK TERUS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT.

15. SAYA DENGAN INI, MERASMIKAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA@THE STORE BAGI TAHUN 2020.

SEKIAN, SALAM HORMAT DAN TERIMA KASIH.